


Undang-undang Kekangan Kanak-kanak Negeri New York - Kekangan Penumpang Kanak-kanak Bukanlah Satu Pilihan, Ini Undang-undang!

Semua kanak-kanak mesti dikekang dalam sistem kekangan kanak-kanak yang bersesuaian semasa menaiki kenderaan bermotor, **sehingga mereka mencapai hari lahir ke-8 mereka**. Sistem kekangan kanak-kanak yang sesuai ialah sistem kekangan kanak-kanak yang memenuhi saiz dan berat badan kanak-kanak tersebut mengikut saranan pengilang.



*Julat usia yang disarankan bagi setiap jenis tempat duduk berbeza mengikut perbezaan pertumbuhan, tumbesaran dan had ketinggian/berat badan kanak-kanak untuk tempat duduk penumpang kanak-kanak dan tempat duduk penggalak. Gunakan manual pemilik tempat duduk penumpang kanak-kanak atau tempat duduk penggalak untuk menyemak cara pemasangan dan had ketinggian/berat badan tempat duduk, serta penggunaan tempat duduk yang

Tempat Duduk Penumpang Kanak-kanak

MENGHADAP KE BELAKANG

Sejak lahir sehingga sekurang-kurangnya Umur 2 Tahun*

Kanak-kanak diletakkan dengan menghadap ke belakang di tempat duduk belakang menggunakan abah-abah sehingga umur 2 tahun atau sehingga mereka mencapai had atas berat badan atau ketinggian tempat duduk penumpang kanak-kanak tersebut. (tempat duduk boleh ubah boleh digunakan untuk menghadap ke belakang atau ke hadapan)

Posisi Abah-abah Menghadap ke Belakang

Tali abah-abah terletak di atau di bawah bahu

Klip abah-abah terletak di dada di antara ketiak

Abah-abah bawah seharusnya terletak di pinggul, bukannya perut

Pemasangan*

Tempat duduk penumpang kanak-kanak Menghadap ke Belakang mesti dipasang pada tempat duduk kenderaan dengan tali pinggang keledar atau penambat bawah kenderaan.

Tempat duduk penumpang kanak-kanak yang dipasang dengan betul seharusnya tidak bergerak lebih dari satu inci dari sisi ke sisi dan dari depan ke belakang.

Jangan sesekali meletakkan tempat duduk penumpang kanak-kanak di hadapan beg udara kenderaan yang aktif.

Tempat Duduk Penumpang Kanak-kanak

MENGHADAP KE HAPADAN

Umur 2 tahun sehingga sekurang-kurangnya umur 5 tahun*

Apabila kanak-kanak membesar melebihi tempat duduk menghadap ke belakang atau tempat duduk menghadap ke belakang, mereka harus diletakkan di tempat duduk belakang dengan menghadap ke hadapan menggunakan abah-abah sehingga sekurang-kurangnya umur 5 tahun atau sehingga mereka mencapai had atas berat badan atau ketinggian tempat duduk penumpang kanak-kanak tersebut. (tempat duduk boleh ubah boleh digunakan untuk menghadap ke belakang atau ke hadapan / tempat duduk kombinasi merupakan kombinasi tempat duduk menghadap ke hadapan dengan abah-abah dan tempat duduk penggalak)

Posisi Abah-abah Menghadap ke Hadapan

Tali abah-abah terletak di atau di atas bahu.

Klip abah-abah terletak di dada di antara ketiak

Abah-abah bawah seharusnya terletak di pinggul, bukannya perut

Pemasangan*

Tempat duduk penumpang kanak-kanak Menghadap ke Hadapan mesti dipasang pada tempat duduk kenderaan dengan tali pinggang keledar atau penambat bawah kenderaan, sekiranya ada.

Tempat duduk penumpang kanak-kanak yang dipasang dengan betul seharusnya tidak bergerak lebih dari satu inci dari sisi ke sisi dan dari depan ke belakang.

Jangan sesekali meletakkan tempat duduk penumpang kanak-kanak di hadapan beg udara yang aktif.

TEMPAT DUDUK PENGGALAK

4 - 7 Tahun*

Kanak-kanak disarankan untuk berada di tempat duduk belakang, menggunakan tempat duduk penumpang kanak-kanak yang menghadap ke hadapan dengan abah-abah sehingga kanak-kanak mencapai had atas ketinggian atau berat badan yang dibenarkan oleh pengilang tempat duduk.

Apabila kanak-kanak membesar melebihi tempat duduk penumpang kanak-kanak yang menghadap ke hadapan dengan abah-abah, alihkan mereka ke tempat duduk penggalak, di tempat duduk belakang kenderaan. (Tempat duduk kombinasi merupakan kombinasi tempat duduk menghadap ke hadapan dengan abah-abah dan tempat duduk penggalak)

Posisi Tali Pinggang Keledar Penggalak:

1. Tali pinggang bahu terletak melintasi bahu dan dada dan bukannya melintasi leher atau muka.
2. Tali pinggang riba terletak melintasi paha atas (bukannya perut).

Pemasangan*

Tempat duduk penggalak menggunakan tali pinggang keledar untuk mengekang kanak-kanak dan membantu menjauhkan tali pinggang daripada leher dan muka kanak-kanak dan mengangkat kanak-kanak ke posisi yang menjauhkan tali pinggang riba dari perut mereka.

Jika terdapat penambat pada tempat duduk penggalak, pasang penambat pada kenderaan.

TALI PINGGANG KELEDAR

8 - 12 Tahun+*

Tali pinggang keledar dalam kenderaan anda bukan direka untuk kanak-kanak. Amalan terbaik menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih selamat jika mereka menggunakan tempat duduk penggalak sehingga tali pinggang keledar dapat muat dengan betul.

Tali Pinggang Keledar Muat dengan Betul apabila:

1. Tali pinggang bahu terletak melintasi bahu dan dada dan bukannya melintasi leher atau muka.
2. Tali pinggang riba terletak melintasi paha atas (bukannya perut).
3. Kanak-kanak perlu cukup tinggi untuk membengkokkan lutut mereka di pinggir tempat duduk belakang dengan belakang mereka bersandar pada tempat duduk kenderaan dengan selesa.

Semua kanak-kanak yang berumur 12 tahun dan ke bawah yang menaiki kenderaan amat disarankan supaya dikekang dengan baik di tempat duduk belakang.

Di tempat duduk hadapan, pemandu dan setiap penumpang mesti memakai tali pinggang keledar, setiap orang satu tali pinggang keledar. Pemandu dan penumpang tempat duduk hadapan yang berumur 16 tahun ke atas boleh didenda sehingga \$50 setiap orang atas kegagalan memakai tali pinggang keledar.

Setiap penumpang, tanpa mengira umur atau posisi kedudukan mesti dikekang oleh pengekok keselamatan. Setiap penumpang di bawah umur 16 tahun mesti memakai tali pinggang keledar atau menggunakan sistem kekangan keselamatan kanak-kanak yang bersesuaian. Pemandu mesti memastikan bahawa setiap penumpang di bawah 16 tahun mematuhi undang-undang. Pemandu boleh didenda \$25 sehingga \$100 dan menerima tiga mata penalti lesen pemandu untuk setiap pelanggaran.

TS.CPS.2018. Malay. CPS Seat Chart Flyer 11 x 17

Child passenger seat recommendations: American Academy of Pediatrics Safety Committee. Graphic design: adapted from National Highway Traffic Safety Administration. This flyer was modified Aug 2017 by Mohawk Valley Resource Center for Refugees with recommendations from the New York State Governors Traffic Committee. Translations provided by **Tone** at tonetranslate.com a division of Mohawk Valley Resource Center for Refugees. This project is made possible through the Mohawk Valley Resource Center for Refugees' Child Passenger Safety program funded by the National Highway Traffic Safety Administration with a grant from the New York State Governor's Traffic Safety Committee.